PENANG

PENANG 2030

PERCUMA

BULETIN MUTIARA

1 - 15 OKTOBER, 2025

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

MRSM Balik Pulau nekad pertahan kejuaraan SSR

PENGERUSI Majlis Amanah Rakyat (MARA), Datuk Wira Asyraf Wajdi Dusuki (depan, enam dari kanan) bersama pasukan MRSM Balik Pulau meraikan kejayaan menjuarai Kejohanan SSR 2025 baru-baru ini. *(Gambar ihsan: MRSM Balik Pulau).*

PADA 27 Julai 2025, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Balik Pulau mencipta kejutan apabila menewaskan jaguh tradisi *Victoria Institution*, 14-13 dalam perlawanan akhir kejohanan *Super Schools Rugby* (SSR).

Kemenangan itu mencatat sejarah tersendiri apabila MRSM Balik Pulau muncul sebagai MRSM pertama menjuarai kejohanan ragbi sekolah paling berprestij di negara ini.

Kali pertama bertanding, MRSM Balik Pulau bukan pasukan pilihan malah para pemain serta ketua jurulatih sendiri menganggap mereka sebagai 'underdog'.

Tambahan pula, semua tahu betapa gahnya *Victoria Institution* dalam SSR.

Selepas berjaya mencetak sejarah baru-baru ini, MRSM Balik Pulau tidak mahu lagi menoleh ke belakang.

Ketua Jurulatih Pasukan Ragbi MRSM Balik Pulau, **MOHD. IZZUWAN AHMAD SUKRI** berkata, kejayaan itu membakar semangat pemain untuk terus mengukir nama pada edisi mendatang.

MOHD. Izzuwan Ahmad Sukri.

"Babak perlawanan akhir di *Putrajaya Equestrian Park* memang mendebarkan.

"Kemenangan kami baru-baru ini membolehkan kami membawa pulang hadiah berupa wang tunai RM15,000, manakala *Victoria Institution* sebagai naib juara menerima RM7,000.

"Selain itu, Sekolah Menengah Sains Hulu Selangor (Semashur) dan Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) melengkapkan posisi empat teratas dalam carta perlawanan SSR baru-baru ini.

"Selepas kejayaan ini, fokus kami adalah memberi pendedahan kepada pemain melalui perlawanan persahabatan bawah 13 tahun (U-13), bawah 14 tahun (U-14) dan bawah 16 tahun (U-16) sebagai persediaan menghadapi SSR seterusnya.

"Saya sememangnya mahu memberikan sebanyak mungkin pengalaman kepada para pemain yang dilatih dengan menyertai siri-siri perlawanan persahabatan di luar sana.

"Sesi latihan sesama anggota pasukan pada setiap petang di padang sekolah semata-mata tidak memadai.

"Oleh itu, mereka perlu diberi lebih banyak pendedahan menerusi perlawanan persahabatan sebelum proses pemilihan pemain untuk mewakili sekolah bagi memburu kejuaraan dalam edisi akan datang SSR," jelasnya kepada wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR** di MRSM Balik Pulau pada 28 Ogos lalu.

Bagi Mohd. Izzuwan, kemenangan bersejarah itu bukan sahaja mengharumkan nama sekolah, malah menyemarakkan semangat kesukanan dalam kalangan MRSM lain.

(Sambungan di muka 2).

(Sambungan dari muka 1).

Perlawanan persahabatan bentuk pasukan mantap

"Memburu kejuaraan dalam edisi SSR akan datang adalah sangat penting untuk mengembangkan aktiviti keolahragaan dan sukan dalam kalangan pelajar di sini.

"Sebelum ini, hanya berstatus sekolah berasrama penuh (SBP) dan sekolah terpilih tertentu sahaja dijemput menyertai SSR.

"MRSM Balik Pulau menjadi MRSM pertama yang diundang ke kejohanan ini tahun lalu (2024) dan kami berbangga kerana telah muncul sebagai juara," ujarnya.

Difahamkan, Kejohanan SSR buat kali pertama diperkenalkan pada tahun 2013 dan dianggap sebagai pertandingan ragbi sekolah paling berprestij di negara ini.

Pada tahun 2025, telah berlangsung edisi ke-10 Kejohanan SSR yang menyaksikan MRSM Balik Pulau muncul sebagai juara.

TAKTIKAL dan kelincahan pemain membolehkan pasukan MRSM Balik Pulau julang kejuaraan. *(Gambar ihsan: MRSM Balik Pulau).*

> **"Tidak mudah untuk tembus masuk ke SSR kerana penyertaan dilakukan berdasarkan undangan yang dinilai dari segi prestasi, pencapaian, dukungan alumni dan beberapa faktor teknikal yang lain."**
>
> **- MOHD. Izzuwan Ahmad Sukri.**

Mengulas lanjut, Mohd. Izzuwan menyatakan bahawa bukan mudah untuk 'masuk' ke Kejohanan SSR yang berprestij ini kerana penyertaan adalah berdasarkan pada undangan daripada penganjur kejohanan tersebut.

"Tidak mudah untuk tembus masuk ke SSR kerana penyertaan dilakukan berdasarkan undangan yang dinilai dari segi prestasi, pencapaian, dukungan alumni dan beberapa faktor teknikal yang lain," ulasnya sambil menzahirkan rasa syukur kepada pasukan di bawah bimbingannya menjuarai kejohanan tersebut.

Tambahnya lagi, dengan lebih daripada 100 pelajar dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima yang terlibat dalam ragbi, Mohd. Izzuwan yakin dapat memburu bakat baharu di samping membina pasukan yang berpotensi untuk bersaing dalam pelbagai kejohanan pada masa hadapan.

"Sebahagian besar pelajar kami bermula tanpa latar belakang ragbi ketika di sekolah rendah.

"Namun, dengan latihan hampir setiap hari, kami yakin dapat membangunkan keterampilan mereka.

"Pendekatan latihan intensif dan pendedahan melalui perlawanan persahabatan adalah cara terbaik untuk membentuk barisan utama bagi edisi akan datang," jelasnya.

Pengetua MRSM Balik Pulau, Ibrahim Abdullah dan Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Simpang Empat, Idzham Ahmad turut sertai sesi temu bual berkenaan.

AKSI sengit perlawanan akhir SSR 2025 yang sempat dirakamkan lensa pasukan MRSM Balik Pulau. *(Gambar ihsan: MRSM Balik Pulau).*

Varieti padi baharu mampu tingkatkan produktiviti

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

PENAGA – Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) memperkenalkan varieti padi baharu, MR 333 atau 'Menora', yang diyakini mampu memperkukuh daya saing sektor padi dan beras negara.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), sebanyak RM36.1 juta telah diperuntukkan untuk menyokong penyelidikan MARDI.

"Varieti MR 333 ini diperkenal sebagai alternatif kepada varieti popular sedia ada seperti MR 297, MR 315, MR 303 dan MR 307 yang mana ia dibangunkan khusus untuk kawasan jelapang dengan potensi hasil sehingga 9.96 tan sehektar.

"Ia juga tahan penyakit barah dan berdaya saing, melalui amalan penanaman yang baik, saya yakin ia mampu meningkatkan pendapatan pesawah," katanya ketika merasmikan Majlis Pengisytiharan Varieti Padi Baharu MARDI MR 333 di Kampung Lahar Minyak, di sini pada 25 Ogos lalu.

Hadir sama, Exco Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi, Fahmi Zainol; Pengerusi Lembaga Pengelola MARDI, Dr. Azman Ismail; Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KPKM, Datuk Badrul Hisham Mohd.; serta Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr. Mohamad Zabawi Abdul Ghani.

Mengulas lanjut, Mohamad memberitahu bahawa MR 333 mempunyai tempoh matang singkat antara 103 hingga 108 hari, tahan rebah serta berat 1,000 biji yang lebih tinggi iaitu 30.9 gram yang merupakan faktor penting dalam meningkatkan produktiviti.

Selain itu, MR 333 ditanam melalui kaedah mencedung menggunakan mesin jentanam, sekali gus meningkatkan keberkesanan pengurusan tanaman dan memberi pulangan lebih baik kepada pesawah.

Setakat ini, MARDI telah menghasilkan 58 varieti padi, dengan lebih 95 peratus kawasan jelapang utama negara ditanam menggunakan varieti hasil penyelidikan agensi tersebut.

Serentak pada majlis sama, Mohamad turut menyampaikan Geran Agropreneur Muda bernilai RM90,000 dan Geran Projek Perintis RMK-12 berjumlah RM37,140 kepada dua penerima, selain menyerahkan benih padi MR 333 kepada lima pesawah di bawah Projek Peningkatan Skala Varieti Padi Baharu.

Dalam perkembangan lain, beliau meminta MARDI menjalankan kajian menyeluruh mengenai keladi agas, rumpai yang kini menjadi ancaman besar kepada tanaman padi.

"Keladi agas memang biasa ditemui di sawah, tetapi kini merebak cepat sehingga menjejaskan pertumbuhan padi.

"Dalam tempoh dua hingga tiga minggu sahaja ia boleh memenuhi sawah dan sebab itu saya minta MARDI cari kaedah kawalan berkesan," jelasnya.

Menurut beliau, pesawah perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) penggunaan racun yang ditetapkan bagi mengawal keladi agas, termasuk semburan ketika penyediaan tanah dan antara 15 hingga 18 hari selepas penanaman.

Selain penggunaan racun, kerajaan juga menggalakkan kaedah penanaman semula menggunakan sistem pelantar, yang dapat mengurangkan pertumbuhan rumpai secara semula jadi.

CONTOH varieti padi MR 333 atau 'Menora'.

MOHAMAD Sabu (tengah) yang diteman Fahmi Zainol (kiri) menyampaikan geran kepada seorang agropreneur muda pada Majlis Pengisytiharan Varieti Padi Baharu MARDI MR 333 di sini baru-baru ini.

Pelepasan anak ikan dan udang galah manfaatkan nelayan

FAHMI Zainol (dua dari kiri) menyempurnakan pelepasan anak ikan pelbagai spesies termasuk udang galah berhampiran Jambatan Merdeka baru-baru ini.

PERMATANG BERANGAN – Sebanyak 438,000 ekor anak ikan pelbagai spesies termasuk udang galah dilepaskan berhampiran Jambatan Merdeka, Sungai Muda, dalam usaha memberi manfaat kepada nelayan sungai di kawasan sekitar.

Exco Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi, Fahmi Zainol, berkata inisiatif itu dilaksanakan menerusi projek khas Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

"Kita melepaskan 438,000 anak ikan seperti baung, lampam dan udang galah.

"Langkah ini memberi manfaat terus kepada nelayan sungai, bukan sahaja menjamin bekalan makanan, malah menambah sumber pendapatan mereka," katanya kepada Buletin Mutiara selepas melepaskan anak ikan berkenaan pada 29 Ogos lalu.

Menurut beliau, Kerajaan Negeri bersama KPKM memperuntuk RM880,000 tahun ini bagi menjayakan projek itu, melibatkan pelepasan anak ikan di laut dan sungai.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Perikanan Pulau Pinang, Zarina Zainuddin dan Penolong Setiausaha Kanan (Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi), Siti Sakinah Mohd. Sharif.

Difahamkan, sehari sebelumnya, pelepasan anak ikan turut diadakan di perairan Pulau Jerejak, manakala Sungai Perai dan Sungai Kerian juga bakal terlibat dalam projek berkenaan.

Jeti Taman Negara Pulau Pinang

berwajah baharu

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

JETI berdekatan Taman Negara Pulau Pinang yang dibuka kepada umum pada 1 September 2025.

JETI di pintu masuk utama ke Taman Negara Pulau Pinang akhirnya siap dinaik taraf sekali gus dilihat dapat melonjakkan daya tarikan pelancongan di kawasan berkenaan.

Ahli Parlimen Balik Pulau, **DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR WAN CHIK** berkata bahawa selepas enam tahun menunggu, akhirnya jeti tersebut siap dibaiki dan ia memberi kelegaan bukan sahaja kepada pengusaha bot di kawasan itu malahan para pengunjung.

MUHAMMAD Bakhtiar Wan Chik.

Kejayaan menyiapkan projek penaiktarafan ini membuktikan usaha berterusan dalam memastikan infrastruktur pelancongan negeri berada dalam keadaan terbaik.

"Saya berasa lega apabila jeti ini akhirnya siap dengan wajah baharu dan ia pastinya memberi nilai tambah kepada pengunjung dan pengusaha bot di sini," ujarnya kepada Buletin Mutiara pada 27 Ogos lalu.

Tambah beliau, cadangan agar Kerajaan Persekutuan mempertimbang pengenaan kutipan yuran masuk ke taman tersebut wajar diberi perhatian.

"Caj atau yuran masuk ke Taman Negara tersebut boleh digunakan bagi tujuan penyelenggaraan dan menaik taraf kemudahan sedia ada.

"Langkah ini bukan sahaja dapat memastikan persekitaran lebih terjaga, malah mampu meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pelawat yang kian bertambah dari tahun ke tahun.

"Taman Negara (Pulau Pinang) juga semakin mendapat sambutan daripada pelancong tempatan dan antarabangsa sejak kebelakangan ini, namun banyak kemudahan di dalam kawasan taman masih belum diberi perhatian sewajarnya.

PENGUNJUNG ke Taman Negara Pulau Pinang juga berpeluang melawat ke Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu dekat Pantai Kerachut di sini.

"(Dan) perlu lakukan sesuatu agar dapat memberi pengalaman yang lebih baik kepada pengunjung secara menyeluruh," jelasnya.

Dalam pada itu, Muhammad Bakhtiar turut menzahirkan penghargaan kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) atas kejayaan menyempurnakan projek tersebut.

"Usaha pembaikan jeti tersebut telah dimulakan sejak 2019, ketika itu saya menyandang jawatan Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya.

"Namun, projek pembangunan ekopelancongan tersebut beberapa kali tertangguh sebelum ini akibat pandemik COVID-19 dan proses tender semula," katanya sambil berharap ia akan memacukan lagi pertumbuhan sosioekonomi di kawasan tersebut.

Difahamkan, projek tersebut berjaya disiapkan dengan kos sebanyak RM5.56 juta.

Taman Negara Pulau Pinang kekal sebagai destinasi ekopelancongan penting di negeri ini kerana keindahan alam semula jadinya dan menjadi antara destinasi pilihan terutama kepada pengunjung yang mahu ke Pantai Kerachut, Rumah Api Muka Head atau ke pusat penyelidikan akuakultur, Pusat Kajian Marin dan Pantai (CEMACS).



SEBAHAGIAN flora yang ditemui sepanjang perjalanan ke Pantai Kerachut menerusi Taman Negara Pulau Pinang.

ANTARA lokasi 'OOTD' yang terdapat di Taman Negara Pulau Pinang.

Jalan Mahsuri disinari lampu warna-warni

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

PANTAI JEREJAK - Jalan Mahsuri kini berubah wajah apabila deretan pokok di sepanjang laluan itu dihiasi lampu berwarna-warni yang memukau pandangan, khususnya pada waktu malam.

Suasana tersebut seakan-akan membawa pengunjung menelusuri babak '*pandora night*' dalam filem fantasi Avatar dengan persekitaran biopendarcahaya, sangat ideal sekiranya ingin merakamkan foto santai yang unik di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Fahmi Zainol ketika dihubungi berkata, projek pemasangan lampu berkaitan adalah hasil inisiatif Kementerian Ekonomi dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mengindahkan kawasan tersebut.

"Walaupun bukan jalan utama, namun laluan di sini berubah wajah menjadi lebih cantik dan menarik setelah dihiasi lampu-lampu yang bergemerlapan.

DERETAN pokok dihiasi lampu yang bergemerlapan memukau pandangan.

SUASANA waktu malam berdekatan GBS @Mahsuri di sini.

"Sudah tentu saya dan penduduk sekitar mengalu-alukan usaha sebegini yang bukan sahaja menghidupkan suasana malah berpotensi menjadi salah satu tarikan baharu yang menyeronokkan di Pantai Jerejak," ujarnya yang juga Exco Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi kepada Buletin Mutiara baru-baru ini.

Selain projek pencahayaan itu, Fahmi memaklumkan bahawa satu lagi projek pengindahan berjaya dilaksanakan di bawah jejambat di Jalan Sultan Azlan Shah di sini.

“Sebanyak 16,000 pokok renek telah ditanam dan lengkap dengan pemasangan lampu serta sistem pengairan automatik.

“Inisiatif ini menjadikan landskap di sini tampil lebih cantik, segar dan memberi nafas baharu pada persekitaran bandar yang mesra alam,” katanya.

Suara belia sinari pentas Pidato Penang2030

Oleh: **SUNARTI YUSOFF**

GEORGE TOWN - Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Syeikh Abdullah Fahim, Wan Muhammad Akmal Hafiz Wan Azhar, dan pelajar Sekolah Menengah Agama (SMA) Maahad Al-Mashoor Al Islami, Cahaya Iman Cik Mohd. Rafizi, dinobatkan sebagai johan Pertandingan Pidato Penang2030 masing-masing bagi Kategori Belia dan Remaja.

Kejayaan tersebut melayakkan mereka membawa pulang hadiah wang tunai RM500 berserta trofi dan sijil penghargaan.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow, sempena Majlis Perasmian Penutup Pertandingan Pidato Penang2030 yang berlangsung di Auditorium A, Komtar pada 8 September lalu.

Dalam ucapannya, Kon Yeow menzahirkan rasa bangga kerana dapat menyaksikan keberanian serta kematangan para peserta dalam menyampaikan hujah dan gagasan masing-masing.

“Ia mencerminkan semangat intelektual dan kepedulian sosial yang amat diperlukan untuk membentuk masa depan negara yang lebih cerah.

“Menang atau kalah bukanlah penentu kerana hakikatnya semua peserta sudahpun menang apabila berjaya mengangkat suara, mengemukakan pandangan serta menzahirkan impian untuk negeri dan negara.

“Jadikan pengalaman ini sebagai titik permulaan untuk terus menyerlah dalam kepimpinan, komunikasi dan pemikiran kritis,” katanya sambil menyeru agar pertandingan seumpama ini diteruskan serta diperluas kepada lebih ramai pelajar.

Menurut Kon Yeow, pertandingan pidato memainkan peranan penting dalam membentuk individu berpengetahuan, beretika serta berwawasan demi masa depan negara selaras dengan visi Penang2030 dan aspirasi Malaysia Madani.

“Penyertaan 33 pelajar Kategori Remaja dan 53 pelajar Kategori Belia, ini membuktikan bahawa minat terhadap pengucapan awam bukan sahaja masih hidup, malah terus berkembang dengan lebih matang.

“Pidato bukan sekadar seni bicara, tetapi juga seni memimpin, seni berfikir dan seni mempengaruhi ke arah perubahan positif.

“Begitu juga dengan tema pertandingan kali ini, ‘Penang2030: Memperkasa Generasi Muda, Membina Masa Depan Pulau Pinang’, ia bukan sekadar slogan tetapi satu seruan tanggungjawab kepada semua.

“Ia mengingatkan kita bahawa hanya dengan memperkasa golongan muda dalam segala aspek termasuk ilmu, nilai dan kepimpinan, barulah negeri ini mampu terus mara ke hadapan sebagai negeri contoh," ujarnya.

WAN Muhammad Akmal Hafiz Wan Azhar (kiri) dan Cahaya Iman Cik Mohd. Rafizi ceria bersama trofi serta sijil penghargaan yang diterima pada Majlis Perasmian Penutup Pertandingan Pidato Penang2030 di sini baru-baru ini.

Pemenang Kategori Belia

- **Johan:** Wan Muhammad Akmal Hafiz Wan Azhar (SMKA Syeikh Abdullah Fahim)
- **Naib Johan:** Muhammad Ba's Saifullah Mohamad Ariff (SMK Sungai Acheh)
- **Ketiga:** Alyaa Nuur Iman Idris (SMA Al-Itqan)
- **Keempat:** Muhamad Nurhakim Khairul (SMA Al-Ahmadiah Al-Ijtimaiah)
- **Kelima:** Fatimah Nur Qaleasya Ahmad Fuad (SMKA Al-Irsyad)

Pemenang Kategori Remaja

- **Johan:** Cahaya Iman Cik Mohd. Rafizi (SMA Maahad Al-Mashoor Al Islami)
- **Naib Johan:** Izz Nur Ayesya Mohd. Husni (SMK Kampung Selamat)
- **Ketiga:** Nur Azra Batriesyia Mohd. Razizi (SMK Teluk Kumbar)
- **Keempat:** Muhammad Amir Irfan Muhammad Syukur (SMK Sama Gagah)
- **Kelima:** Amni Hamizah Muhamad Hadza (SMKA Al-Irsyad)

Belacan SSL
bertahan sehingga tiga generasi

SALAH seorang pekerja sedang menjemur belacan.

BELACAN merupakan salah satu bahan perasa yang sinonim dengan masakan masyarakat Asia Tenggara, termasuk Malaysia, sejak berdekad lamanya.

Boleh dikatakan kebanyakan masakan di negara ini menggunakan belacan sebagai bahan tambahan untuk memberikan rasa serta aroma yang unik kepada hidangan.

Di Malaysia, antara belacan yang popular ialah belacan Pulau Pinang kerana dihasilkan daripada udang geragau segar dan bersih dari perairan tempatan seperti Batu Ferringhi dan Pulau Aman.

SSL Belacan merupakan antara jenama belacan paling terkenal yang diusahakan di Pulau Pinang sejak lebih tujuh dekad lalu oleh pengasasnya, Sim Seng Lee, di Batu Ferringhi. Perniagaan ini diwarisi secara turun-temurun dan kini telah memasuki generasi ketiga.

SAM SIM KHANG HIEN, 50, merupakan pengusaha belacan yang mewarisi perusahaan keluarga ini bagi meneruskan kesinambungan perniagaan tersebut.

Ketika ditemui Buletin Mutiara, Khang Hien menjelaskan bahawa beliau kini mengambil alih sebagai generasi ketiga selepas ayahnya, Sim Leong Hock, berdepan masalah kesihatan yang semakin serius.

"Datuk saya memulakan perniagaan ini pada tahun 1950-an, kemudian diwarisi ayah saya sebelum saya mengambil alih sejak dua tahun lalu.

"Sebelum ini, saya berkecimpung dalam bidang semikonduktor di Singapura selama lebih 14 tahun dan di China selama 10 tahun.

"Kedua-dua adik saya juga bekerja di luar negara. Sebagai anak sulung daripada tiga beradik, saya secara sukarela pulang ke Malaysia untuk menyambung perniagaan ini," katanya kepada penulis, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **SIEW CHIA EN**, ketika ditemui di Tanjung Bungah pada 25 Ogos lalu.

SAM Sim Khang Hien.

PEMBUNGKUSAN SSL Belacan yang kemas.



BELACAN yang siap dibentuk akan dipotong mengikut saiz pembungkusan.

PROSES menjemur dan mengeringkan belacan memerlukan tempoh waktu tertentu bagi memastikan kualiti terbaik.

Dapatkan Pensijilan Halal

Bercerita lanjut, Khang Hien berkata beliau berhasrat memodenkan perniagaan SSL Belacan yang masih dijalankan secara tradisional meskipun telah bertahan lebih 70 tahun.

"Sehingga kini, proses menghasilkan belacan masih dilakukan secara manual, iaitu udang geragau dikisar dan dijemur terus di bawah cahaya matahari sebelum dipotong mengikut bentuk yang dikehendaki untuk dipasarkan.

"Namun, sebahagian proses telah dimodenkan, antaranya menggunakan bumbung lutsinar supaya cahaya matahari tetap menembusi ruang, tetapi pada masa sama melindungi belacan daripada habuk dan hujan.

"Kami juga telah mengautomasikan proses pembungkusan, sekali gus mengurangkan penggunaan tenaga buruh.

"Pada masa depan, saya bercadang untuk memperkenalkan lebih banyak automasi termasuk dalam proses pemotongan bagi meningkatkan kualiti serta memastikan kebersihan sentiasa terjamin," jelasnya.

(Sambungan di muka 7).

Peruntukan BKN meningkat

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

GEORGE TOWN - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyampaikan Biasiswa Kecil Negeri (BKN) bagi tahun 2025 berjumlah RM926,160 kepada 1,344 pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 dari 112 sekolah sekitar Pulau Pinang.

Beliau yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi memaklumkan bahawa pada tahun 2024, Kerajaan Negeri telah meluluskan sejumlah RM787,440 kepada 1,244 pelajar terpilih dari 115 sekolah menengah.

"Kita telah meningkatkan jumlah penerima BKN bagi tahun 2025 dengan peruntukan yang diluluskan meningkat sebanyak 17.62 peratus berbanding tahun sebelumnya.

"Majlis hari ini adalah manifestasi keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap masa depan generasi muda Pulau Pinang.

"Justeru, saya berharap biasiswa ini menjadi baja yang menyuburkan minda, memperkukuh cita-cita dan melahirkan generasi pelapis yang bijaksana serta sedia menyumbang kembali kepada negeri dan negara," jelasnya ketika merasmikan Majlis Penghargaan BKN Pulau Pinang di sini pada 11 September 2025.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid, yang juga Exco Pembangunan Agama Islam, Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Perpaduan Masyarakat, serta Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan), Mohamad Ghopran Yeop Hamzah turut hadir pada majlis tersebut.

KETUA Menteri menyampaikan cek cura kepada salah seorang wakil yang hadir pada Majlis Penghargaan BKN Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Mengikut pecahan daerah, seramai 226 pelajar dari 30 sekolah sekitar Timur Laut menerima peruntukan BKN berjumlah RM181,000. Di Barat Daya pula, seramai 124 pelajar dari 11 sekolah menerima RM75,960.

Bagi Daerah Seberang Perai Utara (SPU), seramai 451 pelajar dari 27 sekolah menerima RM301,800. Sementara itu, Seberang Perai Tengah (SPT) melibatkan 258 pelajar dari 27 sekolah dengan jumlah RM173,880. Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) pula menerima peruntukan sebanyak RM193,440 yang membabitkan 285 pelajar dari 17 sekolah.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa Kerajaan Negeri turut menyalurkan bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Mubaligh, Sekolah Cina, Sekolah Persendirian dan Sekolah Tamil dengan keseluruhan peruntukan tahun ini berjumlah RM12.153 juta.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga menyalurkan bantuan kemasukan ke institusi pengajian tinggi (IPT) melalui skim iBiTA.

"Bantuan ini meliputi RM1,000 bagi pelajar yang mendapat tawaran ke IPT di Semenanjung Malaysia, RM1,200 bagi mereka yang melanjutkan pengajian ke Sabah dan Sarawak, serta RM300 untuk pelajar yang diterima masuk ke politeknik.

"Bagi tahun 2024 sahaja, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM591,600 yang memberi manfaat kepada 742 pelajar di seluruh negeri. Manakala bagi tahun 2025, jumlah permohonan meningkat mendadak kepada 2,431 dari semua daerah, dan kini sedang melalui proses semakan serta kelulusan di peringkat pejabat daerah," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

Dalam perkembangan lain, Kon Yeow menegaskan bahawa pentadbirannya sentiasa proaktif memperkukuh infrastruktur pendidikan digital sebagai persediaan menghadapi keperluan abad ke-21.

"Usaha ini dimantapkan melalui siri jelajah ke sekolah-sekolah di seluruh negeri, termasuk penyerahan *smartboard* kepada sekolah terpilih bagi memperkaya ekosistem pembelajaran yang lebih interaktif dan berkesan," tambahnya.

Pada April lalu, katanya, Pulau Pinang mencatat sejarah apabila diumumkan sebagai negeri pertama di Malaysia yang mencapai penajaan 100 peratus *smartboard* untuk semua 396 sekolah berdaftar di bawah Kementerian Pendidikan.

(Sambungan dari muka 6).

Tetap berdepan cabaran

Beliau turut memaklumkan bahawa SSL Belacan sedang berusaha mendapatkan Skim Pensijilan MeSTI (Makanan Selamat Tanggungjawab Industri) dan Pensijilan Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi meluaskan lagi pasaran.

"Kami telah melantik perunding halal untuk membantu mendapatkan sijil halal JAKIM, iaitu pensijilan halal paling diiktiraf di peringkat antarabangsa.

"Dengan adanya sijil halal dan MeSTI, SSL Belacan bukan sahaja dapat dipasarkan secara meluas di Malaysia tetapi juga ke negara-negara Timur Tengah," ujarnya sambil menambah bahawa produk itu kini turut dieksport ke Singapura, Australia, Taiwan, India dan Amerika Syarikat.

Cabaran

Meskipun pasaran belacan agak stabil, Khang Hien mengakui perniagaan tersebut tetap berdepan cabaran tertentu.

Antaranya adalah usaha untuk menembusi pasaran lebih luas, khususnya dalam kalangan komuniti Melayu dan negara Timur Tengah.

"Pada masa ini, kami menghasilkan kira-kira 500 hingga 750 kilogram (kg) belacan setiap hari, kecuali jika hujan kerana kurang cahaya matahari.

"Sekiranya hujan, proses menjemur belacan akan dilakukan pada keesokan hari, manakala proses pembungkusan juga terpaksa dihentikan," katanya sambil memaklumkan bahawa SSL Belacan kini mempunyai lapan pekerja, termasuk seorang yang telah berkhidmat sejak zaman datuknya.

Walau bagaimanapun, beliau menegaskan misinya adalah untuk menjadikan SSL Belacan semakin dikenali bukan sahaja pada peringkat nasional tetapi juga antarabangsa.

"Kami kini sedang berbincang dengan sebuah syarikat di India yang berhasrat membawa perisa Asia Tenggara ke pasaran mereka, dan sedang mempertimbangkan untuk mengimport belacan," katanya.

"SSL Belacan juga antara 10 perusahaan tradisional yang dipaparkan dalam siri video berdurasi tiga minit terbitan *Penang Global Tourism* baru-baru ini," tambahnya.



SELESAI dipotong belacan akan dibungkus menggunakan mesin automasi.

Menutup bicara, Khang Hien berkata beliau telah membangunkan laman web rasmi syarikat lengkap dengan maklumat mengenai produk serta resipi untuk pelanggan mencuba belacan sebaik sahaja mengambil alih perniagaan tersebut.

HARI KEBANGSAAN

muhibah & semai semangat perpaduan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR & LAW SUUN TING**

BUKIT TAMBUN – Bertemakan *"Malaysia MADANI: Rakyat Disantuni"*, majlis sambutan serta acara Perbarisan dan Perarakan Hari Kemerdekaan Ke-68 peringkat Negeri Pulau Pinang yang berlangsung di perkarangan Stadium Negeri, Batu Kawan, disambut penuh meriah.

Acara rasmi Kerajaan Negeri itu diserikan dengan ketibaan Yang Dipertua Negeri, Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Ramli Ngah Talib dan isteri, YM Toh Puan Raja Noora Ashikin Raja Abdullah.

Mereka berdua diiringi Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Dato' Seri Law Choo Kiang, yang juga Pengerusi Majlis-Majlis Rasmi Negeri Pulau Pinang, serta isteri, Datin Seri Teoh Hooi Tuang.

Turut hadir, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dan isteri, YABhg. Puan Tan Lean Kee, bersama Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Zulkifli Long serta isteri, Datin Seri Faziah Johari.

Di khemah utama, kelihatan barisan Exco Kerajaan Negeri, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Ahli Parlimen serta para tetamu kehormat lain.

Tun Ramli menyempurnakan acara pemeriksaan Perbarisan Kawalan Kehormat Utama (KKU) dengan penuh adat istiadat.

Majlis diteruskan dengan lafaz ikrar Rukun Negara serta laungan "Merdeka" sebanyak tujuh kali yang diketuai atlet karate negeri, Muhammad Arif Afifuddin Ab. Malik.

Beliau merupakan pemenang pingat emas acara kumite bawah 84 kilogram (kg) di Sukan Asia Hangzhou 2022, sekali gus menamatkan kemarau emas karate Malaysia di temasya tersebut sejak sembilan tahun. Atas kejayaan itu, beliau dinobatkan sebagai Olahragawan Negeri Pulau Pinang 2023/2024 dan diberi penghormatan mengetuai acara penting sempena sambutan Hari Kebangsaan kali ini.

Sementara itu, ribuan rakyat berbilang kaum membanjiri laluan khas bagi menyaksikan perbarisan dan perarakan pelbagai kontinjen yang tampil dengan seragam berwarna-warni.

Acara kawad kaki melibatkan 122 kontinjen daripada jabatan dan agensi kerajaan negeri serta Persekutuan, badan berkanun, anak syarikat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), dengan jumlah keseluruhan peserta seramai 7,533 orang.

Bagi kontinjen berkenderaan pula, sebanyak 22 penyertaan direkodkan melibatkan 958 peserta dengan 676 kenderaan.

Secara keseluruhan, termasuk jawatankuasa dan petugas seramai 1,531 orang, jumlah penyertaan kontinjen dan urus setia pada tahun ini adalah seramai 10,072 orang.

Pelbagai persembahan kebudayaan dan koir turut dipentaskan, menyampaikan mesej muhibah serta semangat perpaduan rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

Sebelum acara berakhir, diumumkan pemenang bagi enam kategori pertandingan kawad kaki sempena Perbarisan dan Perarakan Hari Kemerdekaan Ke-68 peringkat negeri ini:

TUN Ramli Ngah Talib (berkot hijau, bertopi) memeriksa pasukan Kawalan Kehormatan Utama pada Majlis Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Pulau Pinang 2025 di sini baru-baru ini.

- **Kategori Agensi Awam**
  Johan: Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP)
  Naib Johan: Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)
  Ketiga: Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut

- **Kategori Agensi Swasta**
  Johan: St. John Ambulans Malaysia Negeri Pulau Pinang
  Naib Johan: Kompeni Butterworth Briged Putera Malaysia
  Ketiga: Tenaga Nasional Berhad (TNB)



KEHADIRAN pengunjung dari pelbagai peringkat usia turut bersemangat mengibarkan Jalur Gemilang.

- **Kategori Institusi Pengajian Tinggi (IPT)**
  Johan: Kesatria Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Pulau Pinang
  Naib Johan: Institut Kemahiran Tinggi MARA (PERDA-Tech)
  Ketiga: Pusat Pergigian Kanak-Kanak & Kolej Latihan Pergigian Malaysia

- **Kategori Pancaragam**
  Johan: Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Chung Ling
  Naib Johan: SMJK Chung Ling Butterworth
  Ketiga: Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bagan Jaya

- **Kategori Badan Beruniform Sekolah**
  Johan: Briged Putera SMJK Perempuan Cina Pulau Pinang
  Naib Johan: Tunas Kadet Remaja Sekolah (TKRS) SJKC Min Sin
  Ketiga: Kor Kadet Polis SMJK Chung Ling Pulau Pinang

- **Kategori Pakaian Terbaik**
  Johan: Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)
  Naib Johan: MBSP
  Ketiga: Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara



ANTARA barisan anggota keselamatan yang mengambil bahagian dalam perbarisan di sini.

PASUKAN Tunas Kadet Remaja SJKC Min Sin diumumkan sebagai naib johan kategori badan beruniform sekolah pada sambutan berkaitan di sini.

ADUN	No Tel/ No Faks
N.26 PADANG KOTA YAB Chow Kon Yeow chowkonyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
N.37 BATU MAUNG YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid mohdhamid@penang.gov.my	(T) 04 - 626 1442 (F) 04 - 626 1442
N.29 DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh Deo jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 261 8715
N.15 PADANG LALANG YB Gooi Zi Sen gooizisen@penang.gov.my	(T) 012 - 500 1571
N.16 PERAI YB Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu n16.kadunperai@gmail.com	(T) 04 - 397 3600
N.19 JAWI YB H'ng Mooi Lye n19dunjawi@gmail.com	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163
N.21 SUNGAI ACHEH YB Rashidi Bin Zinol n21sgachehpk@gmail.com	(T) 04 - 593 2408 (F)
N.22 TANJONG BUNGA YB Zairil Khir Johari tanjongbunga@bukitbendera.org	(T) 04 - 818 3866 (F) 04 - 262 5952
N.30 SUNGAI PINANG YB Lim Siew Khim limsiewkhim@penang.gov.my	(T) 04 - 657 6630 (F) 04 - 658 6630
N.34 PAYA TERUBONG YB Wong Hon Wai wonghonwai1973@gmail.com	(T) 04 - 826 1898 (F)
N.36 PANTAI JEREJAK YB Fahmi Zainol fahmizainol@penang.gov.my	(T) 04 - 293 7545 (F) 04 - 293 7546
N.02 BERTAM YB Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican dsrmpusatkhidmat@gmail.com	(T) (F)
N.07 SUNGAI PUYU YB Phee Syn Tze n07sungaipuyu@gmail.com	(T) 04 - 313 7987 (H) 012 - 248 5938
N.08 BAGAN JERMAL YB Chee Yeeh Keen cheeyeehkeen@gmail.com	(T) 018 - 388 6317 (F)

ADUN	No Tel/ No Faks
N.09 BAGAN DALAM YB Kumaran Krishnan @ Calvin bagandalamn09@gmail.com	(T) 04 - 313 1002 (F)
N.13 BERAPIT YB Heng Lee Lee berapit@dappg.org	(T) 017 - 813 3509 (F) 04 - 540 0006
N.14 MACHANG BUBOK YB Lee Khai Loon kllee78@gmail.com	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442
N.17 BUKIT TENGAH YB Gooi Hsiao-Leung gooihsiaoleung@penang.gov.my	(T) 04 - 507 5001 (F) 04 - 507 5001
N.18 BUKIT TAMBUN YB Goh Choon Aik	(T) 04 - 502 5818 (F) 04 - 506 2138
N.23 AIR PUTIH YB Lim Guan Eng dapairputih@gmail.com	(T) 04 - 829 0614
N.24 KEBUN BUNGA YB Lee Boon Heng leeboonheng24@gmail.com	(T) 011 - 2773 6684
N.25 PULAU TIKUS YB Woo Sze Zeng joshuawoosz@gmail.com	(H) 016 - 417 2548
N.27 PENGKALAN KOTA YB Wong Yuee Harng pengkalankota@dappg.org	(T) 04 - 299 2574 (F)
N.28 KOMTAR YB Teh Lai Heng komtar@dappg.org	(T) 016 - 270 6808 (F) 04 - 227 7068
N.31 BATU LANCANG YB Ong Ah Teong ongahteong@penang.gov.my	(T) 04 - 280 4411 (F) 04 - 280 4422
N.32 SERI DELIMA YB Tan Hooi Peng n32seridelima@gmail.com	(T) 04 - 659 5611 (F)
N.33 AIR ITAM YB Joseph Ng Soon Siang airitamdap@gmail.com	(T) 016 - 421 9143 (F) 04 - 829 9143
N.35 BATU UBAN YB Kumaresan A/L Aramugam kumar.harapan35@gmail.com	(T) 04 - 668 1062 (F) 04 - 668 1062
N.38 BAYAN LEPAS YB Dato' Azrul Mahathir Aziz ambasegaria.aam@gmail.com	(T) 04 - 649 3976 (F) 04 - 649 3976

ADUN	No Tel/ No Faks
N.01 PENAGA YB Ustaz Yusni Mat Piah	(T)
N.03 PINANG TUNGGAL YB Bukhori Ghazali	(T)
N.04 PERMATANG BERANGAN YB Mohd Sobri Salleh	(T)
N.05 SUNGAI DUA YB Muhammad Fauzi Yusoff	(T)
N.06 TELOK AYER TAWAR YB Azmi Alang	(T)
N.10 SEBERANG JAYA YB Izhar Shah Arif Shah	(T)
N.11 PERMATANG PASIR YB Amir Hamzah Abdul Hashim	(T)
N.12 PENANTI YB Zulkefli Bakar	(T)
N.20 SUNGAI BAKAP YB Abidin Ismail	(T)
N.39 PULAU BETONG YB Mohamad Shukor Zakariah	(T)
N.40 TELOK BAHANG YB Muhamad Kasim	(T)

NAMA	No Tel/ No Faks
